

# Nikmati ketenangan minda dengan Pelan Perubatan Prudential.

Tingkatkan keyakinan anda dengan perlindungan yang bertambah.

Insurans Perubatan



**100**  
tahun  
di Malaysia



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# KOS UNTUK MELINDUNGI KESIHATAN ANDA BOLEH JADI TINGGI

Pemeriksaan berkala, kos rawatan dan perbelanjaan lain pastinya akan bertambah sehingga jumlah yang tinggi. Apatah lagi, kos penjagaan kesihatan mungkin meningkat disebabkan oleh inflasi perubatan.

Biarkan pelan perubatan komprehensif kami, **PRUMillion Med 2.0** atau **PRUValue Med** memenuhi keperluan perlindungan perubatan unik anda. Perlukan perlindungan yang lebih? Tingkatkan pelan anda dengan **PRUMillion Med Booster 2.0** atau **PRUValue Med Booster** untuk menikmati perlindungan perubatan yang lebih tinggi dan penjagaan kemasukan ke hospital yang menyeluruh. Selain itu, anda juga akan diberi ganjaran untuk perkhidmatan penjagaan pencegahan jika anda tiada membuat tuntutan selama setahun.

**Serlahkan keyakinan anda dengan meningkatkan pelan perubatan anda hari ini.**



# SENTIASA BERSEDIA HADAPI MASA DEPAN

DENGAN PERLINDUNGAN  
YANG TINGGI



TINGKATKAN PERLINDUNGAN  
ANDA SEKARANG

## PRUMillion Med 2.0

PRUMillion Med 2.0 tidak mempunyai had seumur hidup dan bermula dengan had tahunan yang tinggi sehingga RM8 juta.



## PRUMillion Med Booster 2.0

Nikmati  
**PENINGKATAN SEGERA  
UNTUK PERLINDUNGAN  
SEBANYAK  
RM10 JUTA**

ATAU

## PRUValue Med

PRUValue Med melindungi anda secara berterusan sepanjang tahun. Apabila jumlah tuntutan yang telah dibayar melebihi had seumur hidup istimewa (juga dikenali sebagai Med Value Point) yang dipilih, kami akan membayar 80% daripada lebihan kos yang layak.



## PRUValue Med Booster

Nikmati had seumur hidup istimewa (juga dikenali sebagai Med Value Point) yang  
**DIJAMIN  
MENINGKAT SECARA  
AUTOMATIK**  
setiap tahun

# FOKUS PADA PEMULIHAN ANDA, KAMI SEDIA MEMBANTU



## PERLINDUNGAN MENYELURUH SEBELUM DAN SEMASA MASUK HOSPITAL

- Rawatan sebelum masuk hospital: 90 hari
  - Bilik & Penginapan (R&B) Hospital Harian dan Unit Rawatan Rapi (ICU):
    - PRUMillion Med 2.0 – 150 hari setiap satu untuk R&B dan ICU
    - PRUValue Med – 150 hari untuk R&B & 90 hari untuk ICU
- Dengan Booster – dapatkan bilangan hari tanpa had untuk R&B dan ICU



## RAWATAN SELEPAS MASUK HOSPITAL DAN PERLINDUNGAN PEMULIHAN PESAKIT LUAR

Pelan Perubatan	Keadaan Serius	Keadaan bukan Serius
PRUMillion Med 2.0 dengan PRUMillion Med Booster 2.0	Sehingga 365 hari termasuk Rawatan Alternatif	Sehingga 180 hari termasuk Rawatan Alternatif
PRUValue Med dengan PRUValue Med Booster	Sehingga 365 days	Sehingga 90 days

# MANFAAT-MANFAAT TAMBAHAN YANG DIREKA UNTUK ANDA



## GANJARAN UNTUK KEKAL SIHAT\*

Jika tiada tuntutan dibuat pada tahun sebelumnya, kita akan membayar balik sehingga RM1,000 untuk perkhidmatan Penjagaan Pencegahan seperti berikut:

- Pemeriksaan Kesihatan
- Vaksinasi
- Ujian Diagnostik
- Program Langgan – Program Kesihatan dan Kecergasan di platform digital



## PENJAGAAN KANSER YANG KOMPREHENSIF

Anda boleh membuat tuntutan

- Seperti caj yang dikenakan bagi ujian genetik untuk diagnosis yang lebih tepat berdasarkan profil genetik.
- Seperti caj yang dikenakan bagi rawatan kanser pesakit luar dan sehingga 365 hari selepas keluar hospital
- PRUMillion Med 2.0 – Rawatan susulan selepas remisi kanser sehingga 5 tahun



## PERLINDUNGAN KOMPLIKASI KEHAMILAN

Melindungi komplikasi bersalin semasa peringkat antenatal kehamilan, semasa bersalin atau selepas bersalin

- PRUMillion Med 2.0 dengan PRUMillion Med Booster 2.0 – 13 keadaan
- PRUValue Med – 11 keadaan

*\*Hanya sah untuk PRUMillion Med Booster 2.0 dan PRUValue Med Booster*

# PRUMillion Med 2.0 DENGAN PRUMillion Med Booster 2.0

Manfaat-manfaat	PRUMillion Med 2.0			PRUMillion Med 2.0 dengan PRUMillion Med Booster 2.0		
	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)
<b>Manfaat Bilik &amp; Penginapan</b>						
a) Bilik & Penginapan Hospital Harian	200	300	400	200	300	400
	Setiap hari (RM)					
	Sehingga 150 hari setiap tahun			<b>TIADA BILANGAN HARI MAKSIMUM</b> setiap tahun		
<b>Manfaat Hospital &amp; Pembedahan</b>						
b) Unit Rawatan Rapi/ Unit Rawatan Jantung	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Sehingga 150 hari setiap tahun)			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> <b>(TIADA BILANGAN HARI MAKSIMUM</b> setiap tahun)		
c) Perkhidmatan Dalam Hospital & Yang Berkaitan • Bayaran Pembedahan • Bekalan dan Khidmat Hospital • Bayaran Bilik Pembedahan • Bayaran Pakar Bius • Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Had kepada maksimum 2 lawatan sehari)	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>		
d) Pemindahan Organ/ Sumsum Tulang	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Sekali seumur hidup)			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> <b>(TIADA HAD</b> seumur hidup)		
<b>Manfaat Rawatan Pesakit Luar</b>						
e) Rawatan Sebelum Masuk Hospital	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh 90 hari sebelum masuk hospital)			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh 90 hari sebelum masuk hospital)		
f) Rawatan Selepas Keluar Hospital • Keadaan bukan Serious	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh 180 hari selepas keluar hospital)			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh 180 hari selepas keluar hospital)		
• Keadaan Serious				Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh <b>365 hari</b> selepas keluar hospital)		
g) Pembedahan Harian/ Prosedur Jagaan Harian	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>		
h) Rawatan Kanser Pesakit Luar i) Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Termasuk ubat bawa pulang, ujian peperiksaan & konsultasi)			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Termasuk ubat bawa pulang, ujian peperiksaan & konsultasi)		

Manfaat-manfaat	PRUMillion Med 2.0			PRUMillion Med 2.0 dengan PRUMillion Med Booster 2.0		
	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)
j) Rawatan Pemulihan Pesakit Luar <ul style="list-style-type: none"> <li>Fisioterapi</li> <li>Rawatan Alternatif<sup>2</sup></li> </ul>	Had digabungkan tertakluk kepada RM6,000/RM10,000/RM12,000 setahun, dalam masa 180 hari selepas keluar hospital <ul style="list-style-type: none"> <li>Fisioterapi: Seperti caj yang dikenakan</li> <li>Rawatan alternatif: Sehingga RM1,500 setahun</li> </ul>			<b>Keadaan bukan Serius:</b> Had digabungkan tertakluk kepada RM6,000/RM10,000/RM12,000 setahun, dalam masa 180 hari selepas keluar hospital <ul style="list-style-type: none"> <li>Fisioterapi: Seperti caj yang dikenakan</li> <li>Rawatan alternatif: Sehingga RM1,500 setahun</li> </ul> <b>Keadaan Serius:</b> Dalam masa 365 hari selepas keluar hospital <ul style="list-style-type: none"> <li>Fisioterapi: Seperti caj yang dikenakan</li> <li>Rawatan alternatif: Sehingga RM1,500 setahun</li> </ul>		
k) Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah (200 hari seumur hidup)	Sehingga 20 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap penginapan			Sehingga <b>40</b> kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap penginapan		
l) Rawatan Demam Denggi Pesakit Luar <ul style="list-style-type: none"> <li>Bronkitis</li> <li>Demam Denggi</li> <li>Influenza</li> <li>Pneumonia</li> </ul>	Sehingga 10 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap diagnosis			Sehingga 10 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap diagnosis		
<b>Manfaat Lain</b>						
m) Kanta Intraokular	Sehingga RM8,000 seumur hidup, termasuk kanta multifokal			Sehingga RM8,000 seumur hidup, termasuk kanta multifokal		
n) Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>		
o) Manfaat Komplikasi Kehamilan	Tidak Berkenaan			Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>		
Deduktibel <sup>3</sup>	RM500 / RM1,000 / RM5,000 / RM10,000					
Had Tahunan Menyeluruh	RM2 juta	RM5 juta	RM8 juta	RM12 juta	RM15 juta	RM18 juta
Had Seumur Hidup	Tidak Berkenaan			Tidak Berkenaan		
Manfaat Tanpa Tuntutan <sup>4</sup> – Penjagaan Pencegahan	Tidak Berkenaan			<b>RM500 setiap tahun</b>		<b>RM1,000 setiap tahun</b>
Bantuan Perubatan Kecemasan <sup>5</sup>	Ya			Ya		
Pendapat Pakar Perubatan <sup>5,6</sup>	Ya			Ya		

- <sup>1</sup> Kami hanya akan membayar balik caj Munasabah dan Biasa Diamalkan ke atas perbelanjaan yang layak yang dianggap Perlu Dari Segi Perubatan.
- <sup>2</sup> Rawatan Alternatif hanya sah untuk Pelan R&B 300 dan ke atas, dan termasuk Akupunktur, Bonesetting, Kiropraktik, Rawatan Herba, Perubatan Tradisional Cina, Terapi Moksibusi, Akupresur, Homeopati dan Osteopati.
- <sup>3</sup> Kecuali tuntutan di bawah Manfaat Tanpa Tuntutan, Rawatan Kecemasan untuk Manfaat Kecederaan Akibat Kemalangan, Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar, Manfaat Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar atau Rawatan yang diminta di Fasiliti Penjagaan Kesihatan Kerajaan, pemegang polisi mesti terlebih dahulu membayar jumlah tetap bersamaan dengan Deduktibel yang dipilih daripada jumlah Caj Munasabah dan Biasa bagi manfaat layak terkumpul dalam tahun lampiran.
- <sup>4</sup> Jika tiada tuntutan dibuat pada tahun lampiran sebelumnya.
- <sup>5</sup> Bantuan Perubatan Kecemasan dan Pendapat Pakar Perubatan adalah perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga yang tidak terdapat dalam kontrak dan tidak membentuk sebahagian daripada polisi. Kami berhak untuk membatalkan perkhidmatan ini dengan memberi notis bertulis 90 hari.
- <sup>6</sup> Pendapat Perubatan Pakar ialah perkhidmatan nilai tambah yang memberikan pendapat perubatan kedua daripada pakar perubatan dalam pelbagai bidang pengkhususan. Perkhidmatan ini adalah untuk membantu anda mengetahui lebih lanjut tentang keadaan perubatan anda dan membuat keputusan termaklum mengenai pelan rawatan.



# PRUValue Med DENGAN PRUValue Med Booster

Manfaat-manfaat	PRUValue Med						PRUValue Med dengan PRUValue Med Booster					
	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 600 (RM)	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 600 (RM)
<b>Manfaat Bilik &amp; Penginapan</b>												
a) Bilik & Penginapan Hospital Harian	150	200	300	400	500	600	150	200	300	400	500	600
	Setiap hari (RM)											
	Sehingga 150 hari setiap tahun						<b>TIADA BILANGAN HARI MAKSIMUM</b> setiap tahun					
<b>Manfaat Hospital &amp; Pembedahan</b>												
b) Unit Rawatan Rapi/ Unit Rawatan Jantung	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Sehingga 90 hari setiap tahun)						Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> <b>(TIADA BILANGAN HARI MAKSIMUM)</b> setiap tahun)					
c) Perkhidmatan Dalam Hospital & Yang Berkaitan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran Pembedahan</li> <li>• Bekalan dan Khidmat Hospital</li> <li>• Bayaran Bilik Pembedahan</li> <li>• Bayaran Pakar Bius</li> <li>• Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Had kepada maksimum 2 lawatan sehari)</li> </ul>	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>						Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>					
<b>Manfaat Rawatan Pesakit Luar</b>												
d) Rawatan Sebelum Masuk Hospital	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh 60 hari sebelum masuk hospital)						Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh <b>90 hari</b> sebelum masuk hospital)					
e) Rawatan Selepas Keluar Hospital <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan bukan Serious</li> </ul>	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh 90 hari selepas keluar hospital)						Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh 90 hari selepas masuk hospital)					
• Keadaan Serious							Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (Dalam tempoh <b>365 hari</b> selepas keluar hospital)					
f) Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah (180 hari seumur hidup) g) Pembedahan Harian h) Prosedur Jagaan Harian	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>						Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup>					
i) Rawatan Kanser Pesakit Luar j) Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> Digabungkan sehingga 1.5 kali daripada Aras Nilai Perubatan awal setiap seumur hidup (Termasuk ubat bawa pulang, ujian peperiksaan & konsultasi)						Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> <b>TIADA HAD</b> seumur hidup (Termasuk ubat bawa pulang, ujian peperiksaan & konsultasi)					

Manfaat-manfaat	PRUValue Med						PRUValue Med dengan PRUValue Med Booster					
	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 600 (RM)	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 600 (RM)
<b>Manfaat Lain</b>												
k) Manfaat Komplikasi Kehamilan	Sehingga RM5,000 setiap tahun						Seperti Yang Dikenakan <sup>1</sup> (TIADA HAD setiap tahun)					
l) Kanta Intraokular	Sehingga RM6,000 seumur hidup						Sehingga RM6,000 seumur hidup					
m) Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan	Sehingga 10 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap tahun						Sehingga 10 kali daripada amaun Bilik & Penginapan Hospital Harian setiap tahun					
Med Saver atau Deduktibel <sup>2</sup>	Ya atau Tidak. Jika Ya, pilihan Fleksibel: Med Saver: RM300 / RM1,000 / RM3,000 / RM5,000 / RM10,000; atau Deduktibel: RM20,000 / RM50,000 / RM75,000 / RM100,000											
Aras Nilai Perubatan <sup>3</sup>	Pilihan Fleksibel: • RM1 juta • RM1.5 juta • RM2 juta						Pilihan Fleksibel: • RM1.1 juta • RM1.6 juta • RM2.1 juta			Pilihan Fleksibel: • RM1.15 juta • RM1.65 juta • RM2.15 juta		
							<b>Kenaikan RM100,000 setiap tahun</b>			<b>Kenaikan RM150,000 setiap tahun</b>		
Bonus Aras Nilai Perubatan <sup>4</sup>	Tidak Berkenaan		Aras Nilai Perubatan akan meningkat pada kadar 2% daripada Aras Nilai Perubatan awal pada akhir setiap 2 tahun polisi dengan syarat tiada tuntutan terjadi dalam 2 tahun polisi				Tidak Berkenaan		Aras Nilai Perubatan akan meningkat pada kadar 2% daripada Aras Nilai Perubatan awal pada akhir setiap 2 tahun polisi dengan syarat tiada tuntutan terjadi dalam 2 tahun polisi			
Manfaat Tanpa Tuntutan <sup>5</sup> – Penjagaan Pencegahan	Tidak Berkenaan						<b>RM500 setiap tahun</b>			<b>RM1,000 setiap tahun</b>		
Bantuan Perubatan Kecemasan <sup>6</sup>	Ya						Ya					
Pendapat Pakar Perubatan <sup>6,7</sup>	Ya						Ya					

<sup>1</sup> Kami hanya akan membayar balik caj Munasabah dan Biasa Diamalkan ke atas perbelanjaan yang layak yang dianggap Perlu Dari Segi Perubatan.

<sup>2</sup> Dengan pengecualian kepada tuntutan di bawah Manfaat Tanpa Tuntutan:

- Jika Med Saver dipilih, pemegang polisi perlu membayar jumlah tetap yang bersamaan dengan nilai Med Saver yang dipilih daripada jumlah caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk manfaat berkelayakkan, kecuali kos Bilik & Penginapan Hospital Harian dan Kanta Intraokular untuk sebarang satu hilang upaya.
- Jika Deduktibel dipilih, pemegang polisi perlu membayar jumlah tetap yang bersamaan dengan nilai Deduktibel yang dipilih daripada jumlah Caj Munasabah dan Biasa Diamalkan untuk manfaat berkelayakkan untuk tahun lampiran.
- Jika Med Saver dan Deduktibel tidak dipilih, bayaran tetap tidak dikenakan.

<sup>3</sup> Tuntutan bagi manfaat berkelayakan akan dibayar sepenuhnya (tertakluk kepada Med Saver atau Deduktibel, jika berkenaan) sehingga Jumlah Aras Nilai Perubatan. Jika jumlah manfaat yang kami bayar kepada anda telah melebihi Jumlah Aras Nilai Perubatan, kami akan membayar 80% daripada jumlah kos manfaat berkelayakan yang berlebihan.

Jumlah Aras Nilai Perubatan adalah bersamaan dengan jumlah Aras Nilai Perubatan asal, sebarang Bonus Aras Nilai Perubatan terkumpul dan Aras Nilai Perubatan tambahan (daripada **PRU**Value Med Booster).

<sup>4</sup> Jika jumlah tuntutan yang dibayar melebihi Jumlah Aras Nilai Perubatan, tiada Bonus Aras Nilai Perubatan lanjut akan diberikan walaupun tiada tuntutan lanjut.

<sup>5</sup> Jika tiada tuntutan dibuat pada tahun sebelumnya.

<sup>6</sup> Bantuan Perubatan Kecemasan dan Pendapat Pakar Perubatan adalah perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga yang tidak terdapat dalam kontrak dan tidak membentuk sebahagian daripada polisi. Kami berhak untuk membatalkan perkhidmatan ini dengan memberi notis bertulis 90 hari.

<sup>7</sup> Pendapat Perubatan Pakar ialah perkhidmatan nilai tambah yang memberikan pendapat perubatan kedua daripada pakar perubatan dalam pelbagai bidang pengkhususan. Perkhidmatan ini adalah untuk membantu anda mengetahui lebih lanjut tentang keadaan perubatan anda dan membuat keputusan termaklum mengenai pelan rawatan.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web di [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my) atau hubungi salah satu **Perancang Kekayaan Prudential** yang mesra. Kami sentiasa sedia membantu.

### Nota Penting dan Penafian:

- **PRUMillion Med 2.0, PRUMillion Med Booster 2.0, PRUValue Med dan PRUValue Med Booster** ialah rider opsyen yang boleh dilampirkan pada pelan asas, **PRUWith You**. Rider ini diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kekayaan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Kos insurans yang dicaj untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web Prudential.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRUWith You**, Ilustrasi Produk dan Lembaran(-lembaran) Fakta Dana sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya selepas tarikh pemberitahuan) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (sebarang caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan caj-caj lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak dan juga akan menolak perbelanjaan perubatan yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar.
- **PRUWith You** disertakan dengan Lanjutan Tempoh Perlindungan. Anda boleh memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan, ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.
- **PRUWith You** dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
- Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan digunapakai.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.

06/2024